



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Perintah

Larangan

Menghormati orang tua

Memakai pakaian bersopan

1. Manusia sangat memerlukan moral kerana moral begitu penting dalam kehidupan. Tanpa moral, kehidupan individu, masyarakat dan negara akan menjadi kacau-bilau.

KBAT
Menilai

- (a) Mengapakah agama menjadi sumber moral?

Agama menjadi sumber moral bukan hanya kerana agama mengajar kepercayaan kepada Tuhan dan kehidupan akhirat, tetapi juga adanya perintah dan adanya larangan dalam agama yang menjadi pedoman hidup.

KBAT
Menilai

- (b) Norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral dapat menjamin keharmonian dan perpaduan kaum di Malaysia. Jelaskan.

(i) Menghormati orang yang lebih tua tanpa mengira bangsa dan agama menjamin keharmonian komuniti.

(ii) Memakai pakaian yang sopan ketika menghadiri sesuatu majlis dan menjadi budaya Malaysia tidak berbual-bual dengan kuat ketika berada dalam majlis.

(iii) Berkunjung ke rumah jiran semasa sambutan perayaan pemangkin keharmonian komuniti di Malaysia.

(iv) Menghormati norma masyarakat setempat menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia.

IDEA >>>

Berdiri tegak

Menyanyi bersama

2. Anda sedang berjalan di tapak perhimpunan dan mendengar murid-murid lain menyanyikan lagu Negaraku.

KBAT
Mengaplikasi

- Apakah yang akan anda lakukan?

Berhenti berjalan dan tunjukkan rasa hormat dengan berdiri tegak.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Membimbing | Pedoman hidup | Mengatur kehidupan

1. Agama merupakan kepercayaan kepada Tuhan, sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran serta perintah-Nya.

KBAT
Menilai

Mengapakah agama penting dalam kehidupan?

Agama merupakan keyakinan yang dimiliki oleh setiap orang pada pencipta alam semesta ini. Dalam menjalankan kehidupan di dunia ini, agama mempunyai peranan yang sangat penting. Agama menjadi salah satu pedoman hidup bagi manusia untuk menjalankan dan mengatur hidupnya agar selalu berada di jalan kebenaran.

IDEA >>>

Sikap positif | Pengajaran | Pengalaman | Kematangan

2. Keperibadian mulia merujuk kepada sifat peribadi mulia yang membuatkan seseorang individu menjadi agen moral dan diterima dalam masyarakat setempat dan global.

- (a) Sebagai seorang murid, apakah sifat peribadi mulia yang perlu dimiliki oleh anda untuk berjaya dalam akademik?

KBAT
Mengaplikasi

Nilai kerajinan, jujur, amanah, sikap tidak berputus asa dan bertanggungjawab.

- (b) Bagaimanakah sifat peribadi mulia dapat dikembangkan dalam diri seseorang individu?

KBAT
Mengaplikasi

- Proses pengajaran dan pembelajaran.
- Pengalaman dalam kehidupan.
- Denda dan ganjaran.
- Kerasionalan dan kematangan.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

Institusi keluarga merupakan aset utama kepada pembentukan sebuah masyarakat madani yang harmonis. Sebuah keluarga yang bahagia dan aman akan melahirkan individu-individu yang menjadi penjana atau penggerak utama kepada kemajuan negara. Namun begitu, pada alaf baharu ini, isu kekeluargaan sering dipandang ringan dan hanya menjadi sesuatu yang remeh bagi kebanyakan ahli masyarakat.

IDEA >>>

Gaya hidup

Materialistik

1. Pada pandangan anda, apakah punca-punca yang menyebabkan kerenggangan hubungan kekeluargaan?

KBAT

Menganalisis

(i) Manusia berfikir materialistik.

(ii) Cara hidup yang tidak mementingkan pendidikan agama dan kerohanian.

(iii) Ibu bapa terlalu sibuk dengan aktiviti sosial.

IDEA >>>

Masa depan terjejas

Terjebak dalam masalah sosial

2. Terangkan kesan kerenggangan hubungan kekeluargaan terhadap anak.

KBAT

Menganalisis

(i) Masa depan anak-anak akan terjejas.

(ii) Wujud masalah sosial seperti lepak, penagihan dadah dan lain-lain.

(iii) Wujud perasaan marah.

(iv) Anak berasa disisihkan.

IDEA >>>

Beriadah

Makan bersama

Bersenam

3. Cadangkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

KBAT

Mencipta

(i) Makan bersama-sama dengan ahli keluarga yang besar seperti masa kenduri dan makan malam.

(ii) Solat bersama-sama.

(iii) Melakukan aktiviti beriadah ataupun keluar membeli-belah bersama-sama.

(iv) Berkongsi cerita atau masalah dengan ahli keluarga terdekat.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

Skim Rukun Tetangga Jabatan Perpaduan Negara menggariskan beberapa unsur kejiranan seperti berkenalan, kerap bertemu dan tolong-menolong, rasa bertanggungjawab terhadap keharmonian dan keamanan kawasan sejiran, bangga dan sayang dengan kawasan kediaman, serta mempunyai semangat patriotik merangkumi muhibah, persefahaman, toleransi, harmoni dan menghormati undang-undang.



Semakin pudar | Tidak bertegur masa | Tekanan hidup moden

1. Sejauh manakah konsep kejiranan yang diamalkan oleh masyarakat kita pada hari ini?

KBAT
Menilai

Konsep kejiranan semakin pudar dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini. Hal ini disebabkan oleh perubahan gaya hidup masyarakat sekarang yang terlalu sibuk mencari rezeki untuk menyara keluarga. Kemajuan teknologi juga mempengaruhi kelunturan semangat kejiranan masyarakat pada hari ini.



Kesejahteraan | Hubungan akrab | Menyatupadukan masyarakat

2. “Amalan kejiranan yang baik pastinya akan menjadikan masyarakat bersatu dan hidup harmoni.”

KBAT
Menganalisis

Setujukah anda dengan pernyataan di atas? Berikan alasan anda.

Setuju. Semangat kejiranan merupakan unsur penting dalam kehidupan bermasyarakat. Selain dapat memupuk persefahaman, amalan kejiranan yang baik dapat menyatupadukan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara kita.

3. Nyatakan slogan yang berkaitan dengan konsep kejiranan.

Jiran sepakat membawa berkat.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

Masyarakat penyayang merupakan masyarakat yang saling memerlukan antara satu sama lain tidak kira umur, bangsa dan agama. Terdapat beberapa usaha yang telah dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat penyayang di negara kita.



Sumbangan | Sikap terbuka | Kempen

1. Jelaskan **tiga** usaha untuk melahirkan masyarakat penyayang?

KBAT

Menganalisis

- (i) Membantu golongan kurang upaya dengan memberikan sumbangan dari segi kewangan, tempat tinggal, atau pendidikan.
- (ii) Ibu bapa haruslah bersikap terbuka dan bersedia mendengar segala masalah yang dihadapi oleh anak-anak.
- (iii) Menganjurkan 'Kempen Masyarakat Penyayang' di tempat-tempat yang sesuai.



Kewujudan masalah sosial | Kemusnahan alam

2. Cabaran ketujuh dalam Wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat penyayang (*caring society*) dan budaya penyayang.

KBAT

Menganalisis

Mengapakah konsep masyarakat penyayang diwujudkan?

- (i) Kurangnya amalan nilai-nilai kemasyarakatan.
- (ii) Wujud pelbagai gejala sosial dalam kalangan remaja pada masa kini.
- (iii) Wujudnya masalah penganiayaan kanak-kanak dan pengabaian golongan tua.
- (iv) Pemusnahan alam sekitar.

3. "Masyarakat penyayang membentuk negara sejahtera."

KBAT

Menilai

Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Berikan alasan anda.

Bersetuju.

Keharmonian dan sikap toleransi adalah prinsip utama untuk kesejahteraan masyarakat.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap juga perlu bagi memenuhi tuntutan rakyat yang terus meningkat.



Penggunaan ICT

Kecekapan

Inovatif

1. Pada pendapat anda, apakah perubahan yang perlu dilakukan oleh agensi perkhidmatan awam agar lebih efisien, profesional dan cemerlang?

KBAT

Menganalisis

Penggunaan ICT perlu dimaksimumkan kerana berupaya memendekkan masa penyampaian perkhidmatan. Semua warga perkhidmatan awam perlu meningkatkan kecekapan diri dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan serta berani membuat pertimbangan dan keputusan, sentiasa kreatif dan inovatif.



Mengelakkan kesesakan

Pelbagai kemudahan

2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambah baik perkhidmatan awam yang menjurus kepada bentuk perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

KBAT

Menilai

“Transformasi Perkhidmatan Awam diperkenalkan bagi memudahkan urusan seharian rakyat.”

Setujukah anda dengan pernyataan di atas? Berikan alasan anda.

Ya, setuju kerana pelbagai kemudahan disediakan di dalam satu pusat dan bangunan.



KBAT

EKSTRA

Hedonisme merupakan isu sosial yang hebat diperkatakan pada masa kini. Gejala ini merupakan suatu perilaku 'sub-budaya' yang negatif terhadap masyarakat. Kita sebagai rakyat Malaysia yang berpegang kepada budaya ketimuran perlu menolak gejala ini.



Mengutamakan hiburan

Keseronokan

1. Apakah yang anda faham dengan gejala hedonisme?

KBAT

Menganalisis

Hedonisme membawa maksud 'kesenangan' atau dalam erti kata lain, menjadikan kesenangan dunia untuk beroleh ketenangan rohani, iaitu pola pemikiran yang menjadikan hiburan sebagai jalan untuk bebas daripada permasalahan dan tekanan batas kehidupan yang dianggap rumit.



Pengaruh rakan dan media

Kurang didikan

Keruntuhan institusi keluarga

2. Jelaskan punca-punca wujudnya gejala hedonisme dalam masyarakat kini.

KBAT

Menganalisis

- (i) Keruntuhan dan kurangnya keprihatinan dalam institusi kekeluargaan dan kejiranan.
- (ii) Kurang didikan agama dan moral.
- (iii) Pengaruh dan tekanan rakan sebaya.



Masalah sosial

Menjejaskan masa depan

Tiada matlamat hidup

3. Huraikan kesan gejala hedonisme terhadap masyarakat Malaysia, terutamanya golongan remaja.

KBAT

Menilai

- (i) Meningkatkan kadar jenayah dalam negara.
- (ii) Golongan remaja semakin jauh daripada nilai-nilai agama.
- (iii) Menyebabkan golongan remaja lupa akan matlamat hidup yang sebenar.



KBAT

EKSTRA

Undang-undang siber adalah satu rangka perundangan yang komprehensif untuk menggalakkan pelaburan dan perniagaan dalam industri multimedia dan penggunaan aplikasi multimedia.



Mengawal industri

Hukuman

Jaminan

KBAT
Menilai

1. Pada pendapat anda, sejauh manakah undang-undang siber memainkan peranan dalam memajukan industri multimedia?

Saya merasakan undang-undang siber memainkan peranan penting dalam memajukan industri multimedia. Orang ramai memerlukan keselesaan mengetahui bahawa urusan menerusi alam siber adalah selamat. Mereka juga ingin mengetahui bahawa mereka yang melanggar undang-undang siber akan dikenakan hukuman. Saya merasakan dalam mendorong masyarakat luar untuk melabur membangunkan MSC, perlu ada jaminan bahawa mereka dilindungi oleh undang-undang.

KBAT
Menganalisis

2. Apakah cabaran yang mungkin dihadapi oleh kerajaan dalam melaksanakan undang-undang siber di negara kita?

- (i) Ketersediaan mangsa jenayah siber untuk mendakwa pihak yang melakukan kesalahan.
- (ii) Masyarakat tidak tahu atau tidak sedar sama ada apa yang mereka lakukan adalah jenayah atau bukan.
- (iii) Segelintir masyarakat kurang memahami undang-undang siber dan kepentingan keselamatan siber.



KBAT

EKSTRA

Setiap tahun, kemalangan jalan raya telah mengakibatkan seramai 1.24 juta orang kehilangan nyawa dan antara 20 hingga 50 juta orang lagi mengalami kecederaan di seluruh dunia. Kemalangan jalan raya telah dikenal pasti sebagai penyebab kematian yang kelapan dan merupakan penyebab utama kematian dalam kalangan generasi muda yang berumur antara 15 hingga 29 tahun.



Pendidikan

Penguatkuasaan

Pemantauan

Penyelenggaraan

1. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah berkesan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani isu kemalangan jalan raya yang semakin meningkat di negara kita?

KBAT
Mencipta

- (i) Memperuntukkan sumber kewangan untuk membina jalan raya yang lebih lurus dan laluan khas untuk motosikal.
- (ii) Memperbaiki kemudahan pengangkutan awam.
- (iii) Pihak JPJ dan polis mestilah membuat pemantauan yang berterusan.
- (iv) Pemandu yang melanggar peraturan jalan raya perlu didakwa di mahkamah.



Pengetahuan

Poster

Brosur

2. Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dalam kalangan rakan sekelas anda?

KBAT
Mencipta

- (i) Menggesa rakan sekelas supaya mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan kerana peraturan ini diwujudkan bagi menjaga keselamatan para pengguna jalan raya.
- (ii) Menampal poster-poster yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya di dalam kelas.
- (iii) Mengedarkan brosur atau risalah tentang keselamatan jalan raya.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

Konflik yang dihadapi oleh remaja merupakan sebahagian daripada pengalaman yang akan membentuk identiti remaja tersebut. Pelbagai konflik yang timbul dalam diri remaja seperti konflik dengan ibu bapa, kasih sayang, kebebasan, tanggungjawab, rakan sebaya serta emosi dan tingkah laku.



Percanggahan pendapat

Jurang generasi

Harapan tinggi

1. Mengapakah konflik remaja dengan ibu bapa sering berlaku?

KBAT

Menganalisis

Wujud disebabkan terdapat jurang generasi antara kedua-dua pihak, iaitu si ibu bapa tidak menerima pandangan anak mereka, manakala si anak berpendapat ibu bapa terlalu mengongkong dan tidak memahami kehendak mereka. Kebanyakan ibu bapa hari ini berpendapat hanya kecemerlangan akademik menjamin masa depan yang lebih baik. Hal ini mendorong sesetengah ibu bapa menetapkan matlamat yang terlalu tinggi dan menuntut anak mereka menumpukan sepenuh masa dalam pelajaran. Harapan yang tinggi dalam pendidikan akan memberikan tekanan yang melampau kepada remaja.



Disiplin

Patuh kepada ajaran agama

Rasional

Bersifat asertif

2. Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mengatasi konflik identiti diri sebagai remaja dalam kehidupan seharian? Mampukah anda menangani konflik tersebut?

KBAT

Menilai

Saya berbincang dengan ibu bapa, guru atau orang dewasa yang dipercayai kerana mereka dapat memberikan nasihat yang berguna apabila saya berdepan dengan konflik identiti diri. Dengan sokongan mereka, saya mampu menangani konflik identiti diri tersebut dengan lebih baik.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Kebebasan

Kesamarataan

1. Hak asasi manusia adalah asas kepada kewujudan manusia dan bersifat sejagat, tidak boleh dibahagikan dan saling bergantung. Menurut Kamus Dewan, hak asasi ialah hak yang dasar atau pokok seperti hak bebas mengeluarkan pendapat, menganut sesuatu agama, bergerak dan lain-lain.

- (a) Hak asasi manusia telah disenaraikan dalam Bahagian II Perlembagaan Malaysia dan mempunyai sembilan fasal.

KBAT
Menganalisis

Nyatakan **empat** daripada sembilan fasal tersebut.

(i) Fasal 5: Kebebasan individu.

(ii) Fasal 6: Larangan perhambaan dan buruh paksa.

(iii) Fasal 8: Kesamarataan.

(iv) Fasal 9: Larangan buang negara dan kebebasan bergerak.

(v) Fasal 10: Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.

(vi) Fasal 11: Kebebasan beragama.

- (b) Pada pendapat anda, mengapakah hak asasi manusia perlu dilindungi?

KBAT
Menilai

Hak asasi manusia perlu dilindungi bagi membolehkan setiap individu menikmati kehidupan yang bermaruah.

IDEA >>>

Memupuk kesedaran

Menyiasat aduan

Membantu kerajaan

2. SUHAKAM merupakan sebuah badan kerajaan yang bertanggungjawab menjaga hak asal manusia yang melibatkan empat golongan, iaitu wanita, pengguna, orang kurang upaya (OKU) dan pekerja.

Nyatakan **empat** peranan yang dijalankan oleh SUHAKAM untuk melindungi hak golongan-golongan tersebut.

• Memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

• Menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran.

• Menyiasat aduan tentang pelanggaran hak asasi manusia dan merujuk kes kepada pihak berkuasa.

• Mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]